



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

32- 2013

30 August 2013

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pelabur pasaran dunia mengalami keresahan pada sekitar awal minggu ini terutamanya di pasaran sedang berkembang Asia berikutan kejatuhan pasaran saham dan mata wang. Saya merasakan seakan mengalami situasi ekonomi 1997. Walaubagaimanapun, setelah melihat kepada angka-angka dengan lebih teliti, kami menjangka kejadian tersebut tidak akan berulang lagi memandangkan asas ekonomi serantau masa kini nyata lebih kukuh berbanding 1997. Para pelabur merasai sedikit kelegaan di penghujung minggu ini apabila pasaran mencatatkan sedikit pergerakan kenaikan yang positif.

Antara penyebab turun naik pasaran ini termasuklah kebimbangan terhadap pengurangan secara bertahap aktiviti pelonggaran kuantitatif (QE) Rizab Persekutuan Amerika Syarikat seiring dengan ketegangan di Syria, ditambah dengan masalah peningkatan hutang, penilaian tinggi dan aliran masuk ‘wang panas’ terutamanya dari Barat sejak beberapa tahun yang lalu.

Pelonggaran kuantitatif selama lebih empat tahun terutamanya oleh Amerika Syarikat, dengan jumlah yang disuntik ke dalam sistem perbankan mencecah trillion dolar Amerika, telah membawa kepada jumlah kecairan yang tinggi, ditambah pula oleh pengaliran masuk dana bersaiz besar ke dalam pelaburan pulangan tinggi di pasaran sedang berkembang. Sudah semestinya pelonggaran kuantitatif tersebut tidak akan berterusan selamanya dan alirannya akan perlu dikurangkan pada satu ketika.

Kami percaya ‘wang bijak’ akan mengalir masuk semula ke dalam pasaran ekonomi sedang berkembang dengan kadar mata wang yang menarik dan penilaian yang meyakinkan. Oleh itu, pelabur perlu kekal tenang dalam menghadapi situasi pasaran masa kini. Jika terdapat sebarang hikmah di sebalik keadaan yang agak menggusarkan kini, mungkin selepas ini keadaan akan kembali seperti sediakala berteraskan asas ekonomi yang kukuh dan kemampuan, dan bukannya kredit murah.

Ingin saya tegaskan sekali lagi, dalam menghadapi keadaan pasaran yang tidak menentu, para pelabur perlu melihat kepada asas-asas yang berdaya tahan: dan peka terhadap (i) tahap pinjaman yang tinggi, (ii) pendedahan kredit asing yang tinggi dalam mata wang yang telah mengukuh berbanding nilai mata wang tempatan dan juga (iii) syarikat-syarikat yang mahu memilih jalan singkat seterusnya menjelaskan kepentingan pemegang saham minoriti. Pada masa sebegini, kualiti pengurusan risiko

menjadi bertambah penting, oleh itu para pelabur perlu meneliti perkara-perkara ini; umpama menampi padi, beras diambil, antah dibuang.

Berbalik kepada senario tempatan, saya ingin mengetengahkan salah satu daripada kes pengambilalihan syarikat di mana para pengarah bebas Asas Dunia Berhad telah menyatakan bahawa tawaran tersebut adalah tidak adil dan tidak munasabah dan telah mengesyorkan supaya para pemegang saham tidak berkepentingan menolak tawaran tersebut. Ini juga sejajar dengan syor Penasihat Bebas. Sebab utama adalah harga tawaran yang rendah berbanding dengan nilai aset bersih boleh direalisasi (RNAV). (*Untuk butiran lanjut sila rujuk bahagian “Pandangan Ringkas MSWG Mengenai Transaksi Korporat Semasa” di bawah*)

Esok merupakan hari kemerdekaan negara yang ke-56. Saya mengucapkan *Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan* dengan temanya Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku.

Salam,

Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

Celaan dan Denda oleh Lembaga Pemantauan Audit

Lembaga Pemantauan Audit (“AOB”) yang telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam bulan April 2010 untuk menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti kepentingan awam (“PIE”), menjalankan pemeriksaan tahunan bagi memastikan firma-firma audit mematuhi peraturan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (“ISA”) dan undang-undang kecil Institut Akauntan Malaysia (“MIA”) yang berkenaan. AOB menerbitkan hasil pemeriksaan tahunannya yang termasuk penyebab punca utama yang boleh mempengaruhi kualiti audit.

Pada Ogos 2013, AOB telah mencela enam (6) juruaudit kerana gagal mematuhi prosedur audit seperti yang ditetapkan oleh ISA. Dua daripada juruaudit tersebut masing-masing turut didenda RM10,000 dan RM5,000 kerana melanggar undang-undang kecil MIA berkaitan dengan kebebasan juruaudit.

Tindakan ini memberi satu kelegaan kepada para pemegang saham minoriti bahawa terdapat satu badan yang boleh memantau juruaudit luar untuk memastikan kualiti audit yang tinggi diberi keutamaan.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

ASAS DUNIA BERHAD (“ASAS”)

Pekeling Nasihat Bebas (“IAC”) berkenaan tawaran am sukarela telah diterbitkan oleh Kenanga Investment Bank Berhad pada 29 Ogos 2013. Menurut IAC tersebut, harga tawaran sebanyak RM1.70 adalah tidak adil dan tidak munasabah. Para pengarah tidak berkepentingan juga telah menasihatkan para pemegang saham tidak berkepentingan untuk menolak tawaran tersebut.

Para penawar telah mencadangkan tawaran am sukarela pada harga tawaran sebanyak RM1.70 sesaham bagi baki saham sebanyak 58.9% yang belum lagi dimiliki oleh pengurus eksekutif ASAS, Datuk Tony Chan Leong Foon dan pemberi tawaran bersama iaitu Tony Chan Holdings Sdn Bhd, Tony Chan Capital Sdn Bhd, Sprintex Ltd dan Best Conditions Ltd; yang secara kolektif memiliki kira-kira 41.1% kepentingan di dalam syarikat tersebut.

KOMEN MSWG:

Harga tawaran sebanyak RM1.70 tidak adil mahupun munasabah memandangkan nisbah harga tawaran kepada RNAV adalah 0.6kali, mewakili diskaun sebanyak 40% kepada nilai asset bersih boleh direalisasi Kumpulan. Selain itu, harga tawaran tersebut juga memberikan premium yang jauh lebih rendah berbanding purata premium yang ditawarkan oleh tawaran-tawaran pengambilalihan lain baru-baru ini. Tambahan pula, kami mendapati anggaran jumlah nilai pasaran sebanyak RM457.5juta bagi hartanah seluas 1,336.3 ekar mewakili nilai pasaran hanya sebanyak RM7.86 bagi setiap kaki persegi adalah agak rendah.

Para pemegang saham perlu menilai nasihat di dalam IAC samada untuk menerima atau menolak tawaran tersebut berdasarkan profil risiko, tempoh pelaburan, harga masuk dan kesanggupan untuk memegang saham dalam keadaan pasaran semasa yang tidak menentu.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Panganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Muhammad ‘Ammar Maslan, Panganalisa, Pemantauan Korporat ammar@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Panganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.